

## Perusahaan2 diselerak ke seluruh negara

# Mahathir lawat kilang \$60j

**WALAU**PUN, kerajaan mahu kilang-kilang perindustrian diselerakkan ke seluruh negara, namun negeri-negeri yang maju dalam bidang ini tidak akan diabaikan, demikian kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, menjadi dasar kerajaan menubuhkan lebih banyak perusahaan dan diselerakkan kedudukannya di seluruh negara antaranya di Johor, Kedah dan Trengganu.

Kilang industri berat ini

**JOHOR BAHRU, Khamis**

telahpun dimulakan di Johor, dengan terbinanya sebuah kilang pengeluar sadur timah, Perusahaan Sadur Timah Malaysia (PERSTIMA) yang dibina dengan teknologi Jepun.

Bercakap kepada pemberita-pemberita selepas melawat Kilang PERSTIMA, 32 kilometer dari sini, hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kilang-kilang perusahaan seperti ini akan juga dibina di negeri-negeri yang telah mencapai kejayaan da-

lam bidang perindustrian seperti Selangor.

Bellau berkata, terdapat perusahaan yang memerlukan perusahaan sokongan dan di Selangor terdapat banyak perusahaan seperti itu.

Berdasarkan faktor ini, kilang-kilang perusahaan jenis berat perlu juga dibina di Selangor, walaupun ia telah mencapai kejayaan cemerlang di bidang perindustrian.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan berusaha melipat gandakan jumlah kilang jenis berat di negara ini sebagai ekoran kepada lawatan pelaburan ke Jepun dalam tahun 1978.

Berikutan lawatan itu, beberapa projek perindustrian telah dicadangkan, ada yang sedang dijalankan dan ada juga yang telah mencapai kejayaan cemerlang.

Antara kilang-kilang ini termasuk kilang besi, kilang simen yang dalam pembinaan di Pulau Langkawi dan kilang mengeluarkan bahagian-bahagian kecil motosikal yang sedang dirancang.

Selain dari itu beberapa buah lagi projek kilang perindustrian berat di negara ini sedang dirancang dan diatur tetapi bellau enggan mengulas butir-butir kilang-kilang ini.

Mengikuti rombongan Perdana Menteri melawat Kilang PERSTIMA ialah Menteri Besar Johor Tan Sri Haji Othman Saat dan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Johor.

No. Siri ..... 2262 .....

No. Penerimaan ..... 6/85 .....